

**HUBUNGKAIT ANTARA KEFAHAMAN KONSEP
DENGAN APLIKASI PERANCANGAN
STRATEGIK DI KALANGAN GURU
SEKOLAH KEBANGSAAN
DAERAH SEMPORNA**



AMIRULLAH BIN AJIRUL

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara kefahaman konsep Perancangan Strategik dengan pengaplikasiannya di kalangan guru sekolah kebangsaan. Satu kajian yang telah dijalankan di sekolah-sekolah kebangsaan daerah Semporna, Sabah. Untuk tujuan itu, sejumlah 240 orang guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah kebangsaan Gred A daerah Semporna telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kuantitatif, iaitu melalui soal selidik. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi iaitu melibatkan min, kekerapan dan peratus, ujian Korelasi, Ujian ANOVA dan ujian T dalam program SPSS Versi 15. Dapatan kajian pada keseluruhannya menunjukkan tahap kefahaman guru terhadap konsep PS dan pengaplikasiannya di sekolah kebangsaan adalah sederhana dan tinggi. Ini telah menyebabkan mereka lebih mudah mengaplikasikan Perancangan Strategik dalam kerjaya mereka. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang kuat antara kefahaman konsep PS dengan pengaplikasiannya dalam kerjaya guru di sekolah kebangsaan daerah Semporna dengan nilai $r=0.608$, ($P<0.05$). Walau bagaimanapun, hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang tahap kefahaman konsep PS berdasarkan jantina ($t=-0.771$, $P>0.05$), pengalaman mengajar ($t=-0.871$, $P>0.05$) dan juga kelulusan akademik ($F=0.548$, $P>0.05$) guru. Dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan panduan untuk mengetahui peranan Perancangan Strategik di sekolah-sekolah kebangsaan. Di samping itu, beberapa cadangan boleh dibentuk sebagai panduan dan rujukan tentang keberkesanan pelaksanaan Perancangan Strategik di sekolah dalam usaha penambahbaikan untuk pembangunan pendidikan.

ABSTRACT

A STUDY OF THE RELATIONSHIP BETWEEN UNDERSTANDING AND APPLICATION OF STRATEGIC PLANNING CONCEPT AMONG TEACHERS AT THE PRIMARY SCHOOLS IN THE DISTRICT OF SEMPORNA

The propose of this research is to identify the correlation and level of understanding between the Strategic Planning concept and its implementation among teachers at the primary schools carried out at Semporna District in Sabah. As the research respondent, a total of 240 teaching teachers were chosen randomly as its sampling who are in the Gred A primary school. The quantitative method were used through questionnaire and taking SPSS version 15 software to analyze the collected data which involving the mean, frequency and percentage, Correlation test, ANOVA and T-test through the inference and descriptive statistic methord. The overall finding shows that the teachers' knowledge level of the concept and the Strategic Planning concept application are everage and high in nuture.. Thus, enable them to apply the SP into their career. There is a strong significant correlation value of $r = 0.608$ ($P < 0.05$). However, there is no notable differences on gender ($t = -0.771$, $P > 0.05$), teaching experience ($t = -0.871$, $P > 0.05$) and academic qualification ($F = 0.548$, $P > 0.05$) of teachers . Thus, the research findings could be applied as the guideline to recognize the roles of the Strategic Planning for the primary schools. Besides. Its implementation could also be suggestion as an effective tool for reference on improvising the education development in schools..

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH